

26 AUG 2001

Mahathir-Jaring

PM SETUJU PEMBENTUKAN INISIATIF KOMPUTER PELBAGAI BAHASA

KUALA LUMPUR, 26 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terbuka terhadap idea pembentukan Insisiatif Komputer Pelbagai Bahasa (MLCI) untuk membangunkan perisian komputer berdasarkan bahasa-bahasa utama Malaysia.

Beliau berkata sebuah jawatankuasa pemandu bagi MLCI perlu dibentuk bagi meninjau pembangunan perisian seperti itu terutama dalam bahasa Melayu.

Katanya, lebih ideal lagi ialah jika MLCI dijadikan sebahagian Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (NITC) di mana pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) Malaysia sekarang memang berhasrat supaya rakyatnya menguasai bahasa-bahasa itu di dalam internet dan pengkomputeran.

Berucap merasmikan Pameran dan Seminar Internet Tamil 2001 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini, Dr Mahathir berkata beliau tertarik dengan cadangan MIC untuk mengadakan satu skim khas di Koridor Raya Multimedia (MSC) untuk melahirkan masyarakat India Malaysia yang mahir dalam membangunkan perisian bahasa Tamil.

Beliau berkata MSC mempunyai peruntukan bagi membentuk syarikat dan membangunkan perisian seperti itu.

Dr Mahathir berkata Malaysia adalah tempat di mana beberapa bahasa peruturan utama dunia diamalkan dan ia satu kelebihan yang tidak dimiliki oleh banyak negara.

"Malaysia patut memanfaatkan kelebihan itu...MLCI dengan naungan NITC harus bekerjasama dengan bahasa-bahasa lain untuk melepasi sempadan geografi," katanya.

Katanya, institusi-institusi kajian dan pembangunan Malaysia juga harus berusaha memperkenalkan perisian komputer pelbagai bahasa bagi pasaran antarabangsa.

Sebagai contoh, sebuah laman web dalam bahasa China yang mudah boleh menarik minat 30 juta orang China yang mengguna internet setiap hari dan begitu juga dengan laman web Tamil kerana lima juta pengguna internet yang bertutur bahasa itu menggunakan internet setiap hari.

Katanya, sebuah laman web berbahasa Melayu boleh menjangkau rantau ini dan lebih lima juta pengguna yang bertutur bahasa itu.

Dr Mahathir berkata Malaysia mempunyai peluang besar untuk muncul sebagai pusat serantau atau global bagi perisian pelbagai bahasa dan semua kaum mempunyai peranan bagi mencapai matlamat itu.

"Apa yang diperlukan ialah perancangan yang lebih kemas," katanya.

Dr Mahathir berkata pakar industri mendakwa lebih 50 peratus kandungan dalam internet adalah dalam bahasa lain selain Inggeris dan peluang mengembangkan perisian bahasa lain perlu direbut oleh Malaysia.

Sebelum itu, Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu dalam ucapannya mencadangkan supaya Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) mengusahakan satu skim khas untuk mengenengah tenaga pakar ICT di kalangan masyarakat India.

Katanya, usaha seperti itu akan membuka peluang untuk mewujudkan rangkaian kerjasama dengan masyarakat Tamil lain di seluruh dunia.

Samy Vellu, yang juga pengerusi seminar itu berkata masyarakat India Malaysia telah membina tidak kurang daripada tiga perisian berbahasa Tamil bertaraf dunia.

Beliau menganggarkan lebih sejuta pengguna di seluruh dunia sedang menggunakan perisian buatan Malaysia itu dan masyarakat Tamil seluruh dunia

mengenalinya Malaysia kerana perisian seperti itu.

Lebih 800 perwakilan dari 13 buah negara menyertai seminar dan pameran itu manakala 50 kertas kerja akan dibentangkan oleh pakar dari Australia, India, Jerman, Switzerland, Amerika Syarikat, Singapura dan Malaysia.

Kira-kira 50 gerai mempamerkan produk dan khidmat terbaru dalam bidang komputer.

-- BERNAMA

DC KHY MOZ